

DAIVONEX[®] OINTMENT

Calcipotriol (50 micrograms/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Daivonex[®] Ointment*
2. Bagaimana *Daivonex[®] Ointment* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Daivonex[®] Ointment*
4. Cara menggunakan *Daivonex[®] Ointment*
5. Semasa menggunakan *Daivonex[®] Ointment*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Daivonex[®] Ointment*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Daivonex[®] Ointment*

Daivonex[®] Ointment adalah digunakan untuk merawat psoriasis vulgaris.

Daivonex[®] Ointment tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai *anti-psoriatics*. Ia adalah satu formula topikal derivatif Vitamin D, calcipotriol, yang mengawal bagaimana sel-sel pada kulit anda tumbuh.

Jika sel-sel pada kulit anda tumbuh terlalu banyak, anda boleh mendapat psoriasis. Psoriasis adalah keadaan di mana kulit anda mempunyai tompok merah dan tompok bersisik yang berwarna perak. Tompok bersisik adalah sel-sel mati yang biasanya akan jatuh dari kulit anda semasa anda tidak perasan.

Bagaimana *Daivonex[®] Ointment* berfungsi

Daivonex[®] Ointment berfungsi untuk mengurangkan jumlah sel-sel yang dihasilkan oleh kulit anda. Oleh itu, ia memulihkan pertumbuhan kulit yang tidak normal.

Secara beransur-ansur, anda boleh melihat perubahan pada kulit anda. Tompok yang bersisik atau berkelupas biasanya akan hilang dulu. Kulit akan berasa lebih licin.

Kemerahan kulit akan mula hilang seterusnya. Ia mula hilang dari tengah dulu.

Sebelum menggunakan *Daivonex[®] Ointment*

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Jangan gunakan *Daivonex[®] Ointment*

■ Jika anda mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap calcipotriol atau sebarang bahan lain dalam *Daivonex[®] Ointment*.

■ Jika anda telah diberitahu bahawa anda mempunyai tahap kalsium yang tinggi (gangguan metabolisme kalsium).

Mengandung dan menyusukan anak

Sila tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan *Daivonex[®] Ointment* :

■ Jika anda hamil atau berfikir anda hamil.

■ Jika anda sedang menyusukan bayi.

Keselamatan *Daivonex[®] Ointment* pada kehamilan manusia belum ditubuhkan. Beritahu doktor anda jika anda hamil ketika menggunakan ubat ini. Jika doktor anda telah bersetuju bahawa anda boleh menyusukan anak, jangan gunakan *Daivonex[®] Ointment* pada kawasan payudara.

- *Sebelum menggunakan *Daivonex[®] Ointment**

Berhati-hati dengan penggunaan *Daivonex[®] Ointment*

Sebelum menggunakan ubat ini, beritahu doktor anda:

■ Jika anda sudah menjalankan rawatan cahaya ultra lembayung (UV), anda perlu berbincang dengan doktor anda tentang rawatan cahaya dan penggunaan *Daivonex[®] Ointment* pada masa yang sama.

Kanak-kanak

Keselamatan dan keberkesanan *Daivonex[®] Ointment* dalam rawatan kanak-kanak belum lagi dipastikan.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau telah baru-baru ini mengambil sebarang ubat-lain. Ini termasuk sebarang ubat-ubatan

yang anda beli tanpa preskripsi.

Daivonex[®] Ointment adalah persediaan siap sedia untuk digunakan dan tidak harus dicampurkan dengan bahan-bahan dari persediaan lain.

Rawatan serentak dengan persediaan topikal yang mengandungi salicylic acid harus dielakkan kerana ia menjadikan calcipotriol tidak aktif.

Anda mesti memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan yang berikut:

■ Sebarang ubat lain untuk merawat psoriasis.

Cara menggunakan *Daivonex[®] Ointment*

- *Cara penggunaan*

Sentiasa gunakan *Daivonex[®] Ointment* tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda .

Arahan untuk penggunaan yang betul

■ Ubat ini hanya boleh digunakan pada kulit anda. Jangan telan atau meletakkannya di dalam badan anda.

■ Jangan sekali-kali meletakkan ubat ini pada muka anda kerana ia boleh menyebabkan kerengsaan.

■ Keluarkan penutup dan periksa bahawa meterai di dalam tiub tidak pecah sebelum anda mula menggunakan salap .

■ Jika anda mempunyai tiub 30 atau 100 gram, anda perlu memecahkan meterai itu dengan menggunakan hujung di belakang penutup .

■ Sapukan ubat anda pada kulit yang mempunyai psoriasis.

■ Basuh tangan anda selepas menggunakan *Daivonex[®] Ointment*.

- *Berapa banyak harus digunakan*

■ Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak *Daivonex[®] Ointment* perlu digunakan. Untuk kesan terbaik, gunakan *Daivonex[®] Ointment* dua kali sehari.

■ Jika anda menggunakannya dua kali sehari, gunakannya pada waktu pagi dan pada waktu petang. Untuk mengingatkan anda supaya

menggunakan ubat anda, gunakannya semasa anda melakukan satu lagi tindakan yang tetap, seperti memberus gigi anda.

■ Dos anda akan bergantung kepada keadaan psoriasis anda dan doktor anda akan menetapkan dos yang sesuai untuk anda.

- Bila perlu digunakan

■ Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

■ Ikut nasihat doktor anda.

■ Jangan gunakan lebih daripada 100 gram setiap minggu.

- Jika terlupa menggunakan

■ Gunakan ia sebaik sahaja anda ingat. Kemudian gunakan ubat seterusnya pada masa yang biasa.

■ Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

■ Beritahu doktor anda dengan segera.
■ Anda boleh mendapat terlalu banyak kalsium dalam darah anda.

Anda perlu memberitahu doktor anda dengan segera jika anda mengesan sebarang tanda-tanda berikut yang mungkin disebabkan oleh terlalu banyak kalsium di dalam darah :

- Anda perlu kencing lebih kerap
- Anda berasa dahaga
- Anda mempunyai mulut yang kering atau rasa logam di dalam mulut anda
- Anda berasa lemah atau sakit di bahagian otot atau tulang anda
- Anda berasa loya atau sembelit

Semasa menggunakan *Daivonex*[®] Ointment

- Perkara yang perlu dilakukan

■ Sentiasa gunakan *Daivonex*[®] Ointment tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.
■ Sila beritahu doktor atau ahli farmasi

anda yang merawat anda bahawa anda menggunakan *Daivonex*[®] Ointment.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi *Daivonex*[®] Ointment kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

■ Doktor anda boleh memberitahu anda untuk menghidkan pendedahan diri kepada cahaya matahari semula jadi atau buatan semasa anda menggunakan ubat ini.

Anda tidak mungkin mendapatkan terlalu banyak kalsium dalam darah anda jika anda menggunakan dos yang ditetapkan untuk anda. Anda boleh mendapatkan dos yang anda perlu gunakan dalam seksyen "Berapa banyak harus digunakan" risalah ini. Anda lebih cenderung untuk mendapat terlalu banyak kalsium dalam darah anda jika anda menggunakan lebih daripada dos yang disyorkan setiap minggu.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Daivonex*[®] Ointment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan sampingan penting untuk diperhatikan:

Anda perlu mendapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mempunyai tanda-tanda berikut. Anda mungkin mengalami reaksi alahan jika:

- Anda mempunyai kesukaran bernafas
- Muka termasuk di sekitar mata anda membengkak
- Kulit anda mengalami ruam yang teruk

Kesan sampingan ringan seperti kerengsaan tempatan sementara dan, jarang sekali, kerengsaan muka mungkin berlaku.

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau jika anda perasan apa-apa kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers →Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Daivonex*[®] Ointment

- Penyimpanan

- Jauhi ubat daripada kanak-kanak.
- Jangan gunakan selepas tarikh tamat tempoh pada kotak. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan itu.
- Jangan simpan di atas suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Daivonex[®] Ointment adalah salap lutsinar berwarna putih kekuningan. *Daivonex*[®] Ointment didapati dalam tiub 30 gram dan 100 gram. Bukan semua saiz pek dipasarkan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif ialah Calcipotriol. *Daivonex*[®] Ointment mengandungi 50 micrograms calcipotriol dalam setiap gram ointment.
- Bahan tidak aktif ialah disodium edetate, disodium phosphate dihydrate, DL- α tocopherol, liquid paraffin, macrogol stearyl ether, propylene glycol, purified water dan white soft paraffin.

- Nombor MAL

MAL19921382A

Pengilang

LEO Laboratories Ltd
285 Cashel Road, Crumlin
Dublin 12, Ireland

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
B-11-01, The Ascent, Paradigm,
No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tarikh kemaskini RiMUP

18/11/2015

Nombor siri:

BPFK(R4/1)181115/00439